




**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

AIA PUBLIC Takaful **Dana Berkaitan** **Pelaburan**

Laporan Prestasi

Bagi Tahun Kewangan Berakhir
31 Disember 2023



KANDUNGAN

Mesej Daripada CEO	01 - 02
Tinjauan Pasaran bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023	03 - 06
Jadual Perbandingan Prestasi	07 - 28
Butiran Pelaburan	29 - 38
Kenyataan Pihak Pengurus	39
Laporan Juruaudit Bebas	40 - 44
Penyata Aset dan Liabiliti	45 - 46
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	47
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih milik Pemegang Sijil	48
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	49 - 52

CEO's Message	53 - 54
Market Review for the Financial Year Ended 31 December 2023	55 - 58
Comparative Performance Table	59 - 80
Details of Investments	81 - 90
Statement by Manager	91
Independent Auditors' Report	92 - 96
Statement of Assets and Liabilities	97 - 98
Statement of Income and Expenditure	99
Statement of Changes in Net Asset Value attributable to Certificate Holders	100
Notes to the Financial Information	101 - 104

MESEJ DARIPADA CEO

Para pemegang sijil yang dihargai,

Terima kasih atas kepercayaan berterusan anda terhadap AIA PUBLIC Takaful Bhd. (APTB). Kami amat menghargai kepercayaan yang telah diberikan kepada kami bagi memenuhi aspirasi anda sekeluarga bagi mencapai Hidup Lebih Sihat, Berpanjangan dan Bermakna.

Ulasan Pasaran

Tahun 2023 boleh digambarkan sebagai tahun dua separuh yang berbeza kesudahannya. Pada 1H2023, ekonomi global secara lanjut menyaksikan beberapa siri kenaikan kadar secara deras yang dilaksanakan oleh bank-bank pusat utama bagi meredakan inflasi. Rizab Persekutuan A.S. ("Fed") menaikkan kadar dana Fed sebanyak 75bps lagi pada 1H2023 kepada 5.25% berikutan kenaikan 425bps pada 2022. Kenaikan akhir Fed telah dilaksanakan pada Julai 2023 iaitu sebanyak 25bps kepada 5.50%. Apabila tekanan inflasi mereda, Fed mengumumkan bahawa kadar mungkin telah mencapai kemuncaknya pada Disember 2023. Di Malaysia, kadar dasar semalaman ("OPR") telah dikekalkan pada 3% sejak kenaikan mengejut 25 mata asas ("bps") pada Mei 2023 seiring dengan prospek ekonomi tempatan yang teguh. Disebabkan perbezaan yang ketara antara kadar dana Fed dan OPR, Ringgit Malaysia ("MYR") susut secara mendadak ke paras terendah dalam 25 tahun pada 4.7937 berbanding Dolar A.S. ("USD") pada September 2023. Bagi 2023, MYR tutup sebanyak 4.3% lebih rendah pada 4.5940.

Bagi pemegang sijil kami, pertumbuhan ekonomi dalam negeri secara relatif berdaya tahan pada tahun 2023 ekoran permintaan domestik dan perbelanjaan kerajaan yang mendorong kegiatan ekonomi manakala permintaan luaran pula menurun. Inflasi telah dikawal baik dan telah turun kepada 1.5% berbanding 2022 menjelang akhir 2023 di kala kenaikan OPR tunggal sejumlah 25bps oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") pada Mei 2023. Pasaran sukuk tempatan berprestasi baik pada 2023, di mana penanda aras hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII") menyusut di antara 26-35bps secara mendatar. Permintaan pelabur domestik dipenuhi menerusi penilaian yang menarik dan keadaan mudah tunai domestik yang menggalakkan. Prestasi pasaran teguh ini juga didorong oleh aliran masuk daripada pelabur luar negara yang merupakan pembeli bersih sekuriti hutang Malaysia pada 2023 dengan jumlah aliran masuk bersih sebanyak MYR23.6 bilion. Ini menjadikan pegangan asing dalam sekuriti kerajaan Malaysia, kedua-dua MGS dan GII kepada 22.7% pada Disember 2023 (berbanding 22.4% pada Disember 2022).

Dalam pasaran ekuiti tempatan, Indeks FTSE Emas Syariah telah menyusut ke paras terendah kepada 10,415 mata pada Jun 2023 selepas mencecah 11,212 mata pada Februari 2023 seiring dengan kelenyapan euforia penubuhan kerajaan perpaduan. Tumpuan telah dialihkan kepada pilihan raya negeri menjelang 2H2023 dan wujud kekhawatiran bahawa sebarang keputusan buruk dalam pilihan raya negeri akan menjejaskan kestabilan kerajaan perpaduan. Pada 1H2023, ketiadaan pengumuman utama mengenai inisiatif ekonomi untuk mengukuhkan ekonomi telah mengecewakan para pelabur. Kejatuhan empat bank iaitu Credit Suisse Group AG di Switzerland serta Silicon Valley, Signature Bank dan Silvergate Capital di A.S. telah mencetuskan aktiviti pengelakan risiko dalam pasaran ekuiti tempatan dan global. Bagaimanapun, menjelang pilihan raya negeri pada Ogos 2023, Perdana Menteri pada Julai 2023 telah mengumumkan rangka kerja ekonomi Madani yang menggalakkan disiplin fiskal dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Seterusnya, inisiatif-inisiatif ekonomi seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional ("NETR"), Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura ("JS-SEZ"), rombakan skim Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) dan Pelan Induk Perindustrian 2.0 telah diumumkan bagi merangsang pelaburan tempatan dan asing. Keputusan pilihan raya negeri yang menyaksikan kerajaan perpaduan mengekalkan negeri-negeri ekonomi utama iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan mengukuhkan kestabilan kerajaan perpaduan. Daripada paras terendah pada Jun 2023, Indeks FTSE Emas Syariah meningkat 575 mata dan mengakhiri tahun pada 10,989 mata dan merupakan salah satu pasaran saham berprestasi terbaik di rantau ini bagi 2H2023. Bagi tahun penuh 2023, Indeks FTSE Emas Syariah meningkat sebanyak 0.46%.

MESEJ DARIPADA CEO (SAMB.)

Tinjauan Pasaran

Selaras dengan kekhawatiran kekurangan pertumbuhan dan inflasi, bank-bank pusat di seluruh dunia berkemungkinan telah memuktamadkan penormalan dasar monetari bagi 2023, dan pasaran memandang ke arah pemotongan kadar pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, pemasaan pelaksanaan dasar masih tidak menentu dan bergantung tinggi kepada data, ini mungkin menyebabkan kemaruapan merentasi pasaran pendapatan tetap global. Bagi pasaran tempatan, persekitaran makro dijangka konstruktif bagi pendapatan tetap, di mana pertumbuhan dan inflasi diramalkan lebih menyederhana lagi pada 2024. BNM dijangka mengekalkan OPR, di mana sebarang kenaikan kadar mungkin berlaku jauh di masa depan sementara menunggu penjelasan berkaitan langkah-langkah pembaharuan subsidi selanjutnya. Dari segi permintaan, permintaan kukuh daripada pelabur tempatan akan terus meneguhkan hasil bon/sukuk tempatan, ditambah aliran masuk berterusan daripada pelabur asing yang dijangka meningkat menjelang 2H2024. Kami menjangkakan keluk GII berpotensi meningkat secara mendadak pada tahun 2024, terutamanya apabila kitaran pelonggaran monetari global dilaksanakan. Bagi kedudukan MYR, kekuatan USD dijangka berterusan dalam tempoh terdekat berikutan naratif Fed "lebih tinggi untuk lebih panjang". Selain itu, pemulihan ekonomi China yang lebih lemah daripada jangkaan juga telah melemahkan Yuan Renminbi China ("CNY"), ini telah menjejaskan sentimen MYR. Namun, tinjauan jangka panjang bagi 2024 seharusnya positif bagi MYR menjelang pemotongan kadar Fed dan peningkatan dalam aliran masuk eksport dan portfolio.

Bagi tahun 2024, tumpuan pasaran ekuiti terletak kepada kemungkinan peralihan Fed terhadap pemotongan kadar faedah seiring dengan tanda-tanda pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan inflasi yang lebih rendah. Di peringkat tempatan, pelaksanaan inisiatif-inisiatif ekonomi yang telah diumumkan seperti NETR, MM2H, JS-SEZ dan rasionalisasi subsidi petrol dan diesel yang dinantikan akan diutamakan. Seiring dengan persekitaran politik yang stabil, kami menjangkakan lebih banyak aktiviti pelaburan akan dijana oleh pelabur asing dan tempatan. Selaras dengan jangkaan pemotongan kadar faedah di A.S. dan aliran masuk pelaburan asing yang lebih tinggi, MYR dijangka mengukuh dan seterusnya meningkatkan sentimen para pelabur. Pada masa ini, China telah menyatakan kebimbangan terhadap kejatuhan harga hartanah dan saham. Nampaknya, langkah-langkah serius sedang diusahakan bagi menyelesaikan isu-isu berlarutan ini. Sekiranya isu-isu ini diselesaikan, keyakinan para pelabur akan terus meningkat.

Sekali lagi, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan berterusan anda kepada APTB dan memberi kami peluang bagi memenuhi keperluan kesihatan, kekayaan dan perlindungan anda. Pasukan pelaburan kami yang terdiri daripada mereka yang berketayuan tinggi dan profesional dalam bidang pelaburan akan terus berkhidmat berlandaskan falsafah pelaburan APTB yang hemat, pelan pengurusan risiko yang kukuh dan tadbir urus korporat yang baik. Akhir kata, kami mendoakan anda dan seisi keluarga dikurniakan kebahagiaan dan kesihatan yang baik bagi tahun ini.

Yang benar,

Elmie Aman Najas

Ketua Pegawai Eksekutif,
AIA PUBLIC Takaful Bhd.

TINJAUAN PASARAN

ULASAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan

Ulasan Pasaran

Tahun 2023 boleh digambarkan sebagai tahun dua separuh yang berbeza kesudahannya. Pada 1H2023, ekonomi global secara lanjut menyaksikan beberapa siri kenaikan kadar secara deras yang dilaksanakan oleh bank-bank pusat utama bagi meredakan inflasi. Rizab Persekutuan A.S. ("Fed") menaikkan kadar dana Fed sebanyak 75bps lagi pada 1H2023 kepada 5.25% berikutan kenaikan 425bps pada 2022. Kenaikan akhir Fed telah dilaksanakan pada Julai 2023 iaitu sebanyak 25bps kepada 5.50%. Apabila tekanan inflasi mereda, Fed mengumumkan bahawa kadar mungkin telah mencapai kemuncaknya pada Disember 2023. Di Malaysia, kadar dasar semalaman ("OPR") telah dikekalkan pada 3% sejak kenaikan mengejut 25 mata asas ("bps") pada Mei 2023 seiring dengan prospek ekonomi tempatan yang teguh. Disebabkan perbezaan yang ketara antara kadar dana Fed dan OPR, Ringgit Malaysia ("MYR") susut secara mendadak ke paras terendah dalam 25 tahun pada 4.7937 berbanding Dolar A.S. ("USD") pada September 2023. Bagi 2023, MYR tutup sebanyak 4.3% lebih rendah pada 4.5940.

Dalam pasaran ekuiti tempatan, Indeks FTSE Emas Syariah telah menyusut ke paras terendah kepada 10,415 mata pada Jun 2023 selepas mencecah 11,212 mata pada Februari 2023 seiring dengan kelenyapan euforia penubuhan kerajaan perpaduan. Tumpuan telah dialihkan kepada pilihan raya negeri menjelang 2H2023 dan wujud kekhawatiran bahawa sebarang keputusan buruk dalam pilihan raya negeri akan menjejaskan kestabilan kerajaan perpaduan. Pada 1H2023, ketiadaan pengumuman utama mengenai inisiatif ekonomi untuk mengukuhkan ekonomi telah mengecewakan para pelabur. Kejatuhan empat bank iaitu Credit Suisse Group AG di Switzerland serta Silicon Valley, Signature Bank dan Silvergate Capital di A.S. telah mencetuskan aktiviti pengelakan risiko dalam pasaran ekuiti tempatan dan global. Bagaimanapun, menjelang pilihan raya negeri pada Ogos 2023, Perdana Menteri pada Julai 2023 telah mengumumkan rangka kerja ekonomi Madani yang menggalakkan disiplin fiskal dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Seterusnya, inisiatif-inisiatif ekonomi seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional ("NETR"), Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura ("JS-SEZ"), rombakan skim Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) dan Pelan Induk Perindustrian 2.0 telah diumumkan bagi merangsang pelaburan tempatan dan asing.

Keputusan pilihan raya negeri yang menyaksikan kerajaan perpaduan mengekalkan negeri-negeri ekonomi utama iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan mengukuhkan kestabilan kerajaan perpaduan. Daripada paras terendah pada Jun 2023, Indeks FTSE Emas Syariah meningkat 575 mata dan mengakhiri tahun pada 10,989 mata dan merupakan salah satu pasaran saham berprestasi terbaik di rantau ini bagi 2H2023. Bagi tahun penuh 2023, Indeks FTSE Emas Syariah meningkat sebanyak 0.459%. Berbanding bursa-bursa serantau, prestasi Indeks FBM Emas Syariah lebih rendah daripada Indeks MSCI Dunia (berasaskan MYR) dan Indeks MSCI Asia Kecuali Jepun (berasaskan MYR) yang masing-masing meningkat 26.89% dan 7.96% didorong terutamanya oleh prestasi kukuh dalam sektor teknologi yang memanfaatkan Revolusi Kepintaran Buatan (AI). Pasaran berwajaran berat teknologi seperti A.S., Taiwan dan Korea Selatan telah mencatatkan pulangan lebih 20% pada tahun 2023. Prestasi kukuh MSCI Asia Kecuali Jepun bagaimanapun diselindungi oleh MYR yang lemah dan juga kelemahan dalam pasaran China dan HK yang jatuh 9.67% dan 14.43% mengikut nilai Indeks MSCI Hong Kong (berasaskan MYR) dan Indeks MSCI China (berasaskan MYR).

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

ULASAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMB.)

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (samb.)

Tinjauan Pasaran

Bagi tahun 2024, tumpuan pasaran ekuiti terletak kepada kemungkinan peralihan Fed terhadap pemotongan kadar faedah seiring dengan tanda-tanda pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan inflasi yang lebih rendah. Di peringkat tempatan, pelaksanaan inisiatif-inisiatif ekonomi yang telah diumumkan seperti NETR, MM2H, JS-SEZ dan rasionalisasi subsidi petrol dan diesel yang dinanti-nantikan akan diutamakan. Seiring dengan persekitaran politik yang stabil, kami menjangkakan lebih banyak aktiviti pelaburan akan dijana oleh pelabur asing dan tempatan. Selaras dengan jangkaan pemotongan kadar faedah di A.S. dan aliran masuk pelaburan asing yang lebih tinggi, MYR dijangka mengukuh dan seterusnya meningkatkan sentimen para pelabur. Pada masa ini, China telah menyatakan kebimbangan terhadap kejatuhan harga hartanah dan saham. Nampaknya, langkah-langkah serius sedang diusahakan bagi menyelesaikan isu-isu berlarutan ini. Sekiranya isu-isu ini diselesaikan, keyakinan para pelabur akan terus meningkat. Namun risiko-risiko kepada pasaran boleh berpunca daripada kemelesetan ekonomi A.S., kelembapan ekonomi China, ketegangan geopolitik yang semakin teruk dan risiko dasar kerajaan.

Peluang

- Kadar A.S. memuncak dan jangkaan pemotongan kadar pada 2H2024, dan pelaksanaan rasionalisasi subsidi dijangka mengukuhkan MYR.
- Kestabilan politik telah kembali apabila Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim memperoleh majoriti 2/3 di parlimen.
- Pelaburan portfolio asing dan tempatan di Malaysia masih rendah berbanding tahap sebelumnya.
- Projek infrastruktur mega seperti LRT Pulau Pinang, MRT3, Sistem Transit Aliran Johor Bahru-Singapura (RTS) dan Inisiatif Hijau Sarawak berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) mungkin dihidupkan semula.
- Ketegangan dagang yang berlanjutan boleh mengakibatkan kemasukan perdagangan dan pelaburan ke Malaysia yang menjanakan Pelaburan Langsung Asing ("FDI") dan eksport yang lebih tinggi.

Ancaman

- Risiko pelaksanaan rasionalisasi subsidi dan inisiatif ekonomi yang telah diumumkan.
- Usaha-usaha yang menggugat kestabilan kerajaan perpaduan secara berterusan.
- Rasionalisasi subsidi yang terlalu agresif.
- Risiko penyusutan ekonomi A.S. masih kekal walaupun kebarangkaliannya lebih rendah kini.
- Pertumbuhan ekonomi China merosot kembali akibat kegagalan menangani masalah pasaran hartanah dan saham.
- Ketegangan geopolitik yang semakin buruk di antara A.S. dan China beserta situasi di Timur Tengah.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

ULASAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMB.)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan

Ulasan Pasaran

Isu kemelesetan yang menyelubungi A.S. tidak menjadi kenyataan pada 2023 di kala ekonomi A.S. kekal berdaya tahan. Walaupun kami memerhatikan kelemahan berterusan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan, pasaran buruh secara relatifnya tetap teguh. Walaupun tahap inflasi jauh lebih rendah berbanding tahun sebelumnya, inflasi terbukti lebih mendalam daripada jangkaan. Ini mendorong Fed untuk menaikkan kadar Dana Persekutuan secara keseluruhan sebanyak 100bps pada tahun tersebut. Hasil Perbendaharaan A.S. dan USD kekal teguh bertirai latar belakang ini. Walau bagaimanapun, keadaan kewangan yang lebih ketat mula memacu penurunan ketara dalam inflasi dan aktiviti ekonomi menjelang akhir tahun 2023, menyebabkan Fed menamatkan kitaran normalisasi dasar moneterinya dan menandakan satu siri pemotongan kadar pada tahun 2024. Para pelabur seterusnya secara agresif menetapkan semula harga hasil lebih rendah kerana mereka menjangkakan pelaksanaan pemotongan kadar oleh Fed. Menjelang akhir tahun, kita juga telah menyaksikan peningkatan risiko geopolitik berikutan konflik di Timur Tengah diiringi oleh perang Rusia-Ukraine yang masih berlanjutan.

Pertumbuhan ekonomi tempatan secara relatif berdaya tahan pada tahun 2023 ekoran permintaan domestik dan perbelanjaan kerajaan yang mendorong kegiatan ekonomi manakala permintaan luaran pula menurun. Inflasi telah dikawal baik dan telah turun kepada 1.5% berbanding 2022 menjelang akhir 2023 di kala kenaikan OPR tunggal sejumlah 25bps oleh BNM pada Mei 2023. Pasaran sukuk tempatan berprestasi baik pada 2023, di mana penanda aras hasil GII menyusut di antara 26-35bps secara mendatar. Permintaan pelabur domestik dipenuhi menerusi penilaian yang menarik dan keadaan mudah tunai domestik yang menggalakkan. Prestasi pasaran teguh ini juga didorong oleh aliran masuk daripada pelabur luar negara yang merupakan pembeli bersih sekuriti hutang Malaysia pada 2023 dengan jumlah aliran masuk bersih sebanyak MYR23.6 bilion. Ini menjadikan pegangan asing dalam sekuriti kerajaan Malaysia, kedua-dua MGS dan GII kepada 22.7% pada Disember 2023 (berbanding 22.4% pada Disember 2022). Dari segi mata wang, kedudukan MYR lemah berbanding USD sebanyak 4.20%, terutamanya disebabkan oleh kekuatan USD berlandaskan dasar kenaikan kadar agresif Fed yang meluaskan perbezaan kadar faedah di antara USD dan MYR.

Tinjauan Pasaran

Selaras dengan kekhawatiran kekurangan pertumbuhan dan inflasi, bank-bank pusat di seluruh dunia berkemungkinan telah memuktamadkan penormalan dasar moneteri bagi 2023, dan pasaran boleh menantikan pemotongan kadar pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, pemeasaan pelaksanaan dasar masih tidak menentu dan bergantung tinggi kepada data, ini mungkin menyebabkan kemaruapan merentasi pasaran pendapatan tetap global. Bagi pasaran tempatan, persekitaran makro dijangka konstruktif bagi pendapatan tetap, di mana pertumbuhan dan inflasi diramalkan lebih menyederhana lagi pada 2024. Bank Negara Malaysia dijangka mengekalkan OPR, di mana sebarang kenaikan kadar mungkin berlaku jauh di masa depan sementara menunggu penjelasan berkaitan langkah-langkah pembaharuan subsidi selanjutnya. Dari segi permintaan, permintaan kukuh daripada pelabur tempatan akan terus meneguhkan hasil sukuk, ditambah aliran masuk berterusan daripada pelabur asing yang dijangka meningkat menjelang 2H2024. Kami menjangkakan keluk GII berpotensi meningkat secara mendadak pada tahun 2024, terutamanya apabila kitaran pelonggaran moneteri global dilaksanakan. Bagi kedudukan MYR, kekuatan

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

ULASAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMB.)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan (samb.)

Tinjauan Pasaran (samb.)

USD dijangka berterusan dalam tempoh terdekat berikutan naratif Fed "lebih tinggi untuk lebih panjang". Selain itu, pemulihan ekonomi China yang lebih lemah daripada jangkaan juga telah melemahkan Yuan Renminbi China ("CNY"), ini telah menjejaskan sentimen MYR. Namun, tinjauan jangka panjang bagi 2024 seharusnya positif bagi MYR menjelang pemotongan kadar Fed dan peningkatan dalam aliran masuk eksport dan portfolio.

Peluang

- Pemulihan pertumbuhan China ekoran sokongan dasar, memacu perdagangan global dan ketibaan pelancong ke Malaysia, dan seterusnya positif bagi MYR.
- Potensi aliran dana daripada pelabur asing ke dalam pasaran sukuk domestik berikutan pengurangan ketidakpastian politik, peralihan dasar Fed dan jangkaan kemuncak keteguhan USD.
- Permintaan dalam negeri yang lebih mantap bagi sekuriti kerajaan tempatan seiring likuiditi domestik yang kekal teguh.

Ancaman


- Ketegangan geopolitik yang berlanjutan, peningkatan dalam harga komoditi, yang boleh memperbaharui kebimbangan inflasi.
- Kejutan negatif di dalam pemulihan pertumbuhan China.
- Daya tahan ekonomi A.S. yang tidak dijangka dan potensi penderasan semula tekanan inflasi di A.S. menyebabkan lebih banyak kenaikan kadar Fed dan melanjutkan kekuatan USD.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI

01. A-DANA INCOME

Bagi tahun kewangan 2023, pada asas bersih, Dana mengembalikan 7.52% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 3.03%. Prestasi baik Dana adalah disebabkan oleh strategi tempoh wajaran tinggi dan pegangannya dalam sukuk jangka panjang kerajaan dan sukuk dijamin kerajaan. Bagi tempoh 5 tahun yang ditinjau, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 26.76% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 14.01%. Prestasi positif Dana berpunca daripada pulangan pendapatan keuntungan tinggi dan pemampatan penyebaran kredit. Sejak penubuhannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 80.75% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 48.67%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2023

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 23 - Dis 23	Dis 22 - Dis 23	Dis 20 - Dis 23	Dis 18 - Dis 23	Mac 11 - Dis 23
A-Dana Income	1.20%	7.52%	8.40%	26.76%	80.75%
Indeks*	0.25%	3.03%	7.58%	14.01%	48.67%
Lebih prestasi	0.95%	4.48%	0.83%	12.74%	32.09%

* Kadar Tahap 1 Akaun Pelaburan Umum (Islam) 12 bulan Maybank (Sumber: Laman web Maybank)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. A-DANA INCOME (SAMB.)


Apakah strategi masa depan?

Selaras dengan kekhawatiran kekurangan pertumbuhan dan inflasi, bank-bank pusat di seluruh dunia berkemungkinan telah memuktamadkan penormalan dasar monetari bagi 2023, dan pasaran boleh menantikan pemotongan kadar pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, pemasaan pelaksanaan dasar masih tidak menentu dan bergantung tinggi kepada data, ini mungkin menyebabkan kemaruapan merentasi pasaran pendapatan tetap global. Bagi pasaran tempatan, persekitaran makro dijangka konstruktif bagi pendapatan tetap, di mana pertumbuhan dan inflasi diramalkan lebih menyederhana lagi pada 2024. Dari segi permintaan, permintaan kukuh daripada pelabur tempatan akan terus meneguhkan hasil sukuk, ditambah aliran masuk berterusan daripada pelabur asing yang dijangka meningkat menjelang 2H2024. Kami menjangkakan keluk GII berpotensi meningkat secara mendadak pada tahun 2024, terutamanya apabila kitaran pelonggaran monetari global dilaksanakan. Kami menggunakan pendirian jangka masa lebih panjang lebih di samping meneruskan dagangan mengikut momentum bagi sukuk kerajaan, dengan mencari peluang dagangan jangka pendek ke pertengahan. Peruntukan aset kami bagi pendedahan sukuk akan terus memihak kepada sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan bagi peningkatan hasil.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan terus memberi tumpuan terhadap memaksimumkan jumlah pulangan daripada pertumbuhan pendapatan dan modal dengan melabur dalam sukuk gred pelaburan dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia, sambil meminimumkan risiko pelaburan semula.

Pendedahan Aset A-Dana Income pada 31 Disember 2023



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. A-DANA INCOME (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	-	-	-	-	2%
Tunai dan Setara Tunai	6%	16%	10%	1%	5%
Pembinaan	13%	13%	13%	9%	20%
Elektrik, Gas & Air	15%	17%	11%	14%	18%
Kewangan, Insurans, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	22%	18%	28%	8%	15%
Kerajaan & Lain-lain Perkhidmatan	27%	1%	10%	32%	4%
Pembuatan	10%	16%	6%	8%	12%
Perlombongan	-	5%	6%	8%	-
Pengangkutan, Pergudangan & Komunikasi	4%	11%	12%	15%	17%
Borong, Dagangan Runcit, Hotel dan Restoran	3%	3%	4%	5%	7%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. A-DANA INCOME (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (“NAV”)


	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019
Jumlah NAV (RM)	209,210,473	174,798,490	150,996,245	122,613,242	77,647,334
Bilangan Unit	231,485,882	207,946,243	183,214,166	147,071,825	99,508,071
NAV/Unit (RM)	0.904	0.841	0.824	0.834	0.780
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.904	0.841	0.836	0.836	0.784
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.842	0.801	0.803	0.771	0.714
Cukai (%)	8	8	8	8	8
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	7.52%	1.99%	-1.14%	6.84%	9.44%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	7.52%	1.99%	-1.14%	6.84%	9.44%
3-Tahun	2.73%	2.51%	4.95%	7.40%	6.66%
5-Tahun	4.86%	4.55%	5.09%	6.27%	5.54%
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	3.03%	2.40%	1.97%	2.41%	3.49%
3-Tahun	2.47%	2.26%	2.62%	3.17%	3.50%
5-Tahun	2.66%	2.78%	2.98%	3.35%	3.61%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY

Bagi tahun kewangan 2023, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 1.44% berbanding penanda aras yang telah memberikan pulangan sebanyak 0.46%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Hartanah, Teknologi dan Utiliti dan wajaran rendah di dalam sektor Produk Pengguna dan Telekomunikasi. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan 24.69% berbanding pulangan penanda aras sebanyak -4.31%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Penjagaan Kesihatan, Teknologi dan Perindustrian dan wajaran rendah di dalam sektor Telekomunikasi & Media, Produk Pengguna dan Hartanah. Sejak penubuhannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 59.10% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 11.21%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2023

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 23 - Dis 23	Dis 22 - Dis 23	Dis 20 - Dis 23	Dis 18 - Dis 23	Mac 11 - Dis 23
A-Dana Equity	1.08%	1.44%	-6.35%	24.69%	59.10%
Indeks*	0.54%	0.46%	-16.10%	-4.31%	11.21%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.54%	0.98%	9.74%	29.00%	47.89%

* 100% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)


Apakah strategi masa depan?

Bagi tahun 2024, tumpuan pasaran ekuiti terletak kepada kemungkinan peralihan Fed terhadap pemotongan kadar faedah seiring dengan tanda-tanda pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan inflasi yang lebih rendah. Di peringkat tempatan, pelaksanaan inisiatif-inisiatif ekonomi yang telah diumumkan seperti NETR, MM2H, JS-SEZ dan rasionalisasi subsidi petrol dan diesel yang dinantikan akan diutamakan. Seiring dengan persekitaran politik yang stabil, kami menjangkakan lebih banyak aktiviti pelaburan akan dijana oleh pelabur asing dan tempatan. Selaras dengan jangkaan pemotongan kadar faedah di A.S. dan aliran masuk pelaburan asing yang lebih tinggi, MYR dijangka mengukuh dan seterusnya meningkatkan sentimen para pelabur. Pada masa ini, China telah menyatakan kebimbangan terhadap kejatuhan harga hartanah dan saham. Nampaknya, langkah-langkah serius sedang diusahakan bagi menyelesaikan isu-isu berlarutan ini. Sekiranya isu-isu ini diselesaikan, keyakinan para pelabur akan terus meningkat. Namun risiko-risiko kepada pasaran boleh berpunca daripada kemelesetan ekonomi A.S., kelembapan ekonomi China, ketegangan geopolitik yang semakin teruk dan risiko dasar kerajaan.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

Pendedahan Aset A-Dana Equity pada 31 Disember 2023



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019
Tunai dan Setara Tunai	5%	13%	14%	15%	20%
Pembinaan	5%	4%	3%	4%	6%
Produk Pengguna	10%	12%	8%	7%	8%
Tenaga	3%	2%	2%	4%	6%
Kewangan	2%	3%	3%	2%	5%
Penjagaan Kesihatan	8%	6%	10%	17%	6%
Produk Perindustrian	13%	12%	13%	9%	7%
Perladangan	11%	11%	7%	7%	9%
Hartanah	5%	1%	1%	1%	1%
Amanah Pelaburan Hartanah	1%	1%	1%	1%	1%
Teknologi	10%	11%	16%	15%	8%
Telekomunikasi & Media	11%	13%	13%	11%	11%
Pengangkutan & Logistik	4%	5%	4%	3%	4%
Utiliti	12%	6%	5%	4%	8%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019
Jumlah NAV (RM)	772,224,776	683,108,426	619,469,278	509,141,246	320,424,257
Bilangan Unit	970,719,465	871,048,331	735,332,735	599,339,667	467,094,383
NAV/Unit (RM)	0.796	0.784	0.842	0.850	0.686
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.799	0.835	0.889	0.886	0.692
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.753	0.721	0.805	0.580	0.631
Cukai (%)	8	8	8	8	8
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	1.44%	-6.91%	-0.83%	23.84%	7.52%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	1.44%	-6.91%	-0.83%	23.84%	7.52%
3-Tahun	-2.17%	4.56%	9.71%	3.46%	-0.53%
5-Tahun	4.51%	0.45%	3.86%	3.33%	-0.06%
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	0.46%	-10.80%	-6.37%	9.84%	3.84%
3-Tahun	-5.69%	-2.83%	2.21%	-0.15%	0.01%
5-Tahun	-0.88%	-3.62%	0.57%	0.71%	-0.68%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. A-DALI EQUITY

Bagi tahun kewangan 2023, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan negatif sebanyak 0.78% berbanding penanda aras yang positif sebanyak 0.46%. Penurunan prestasi ini disebabkan oleh wajaran rendah Dana di dalam sektor Penjagaan Kesihatan dan Kewangan Islam dan wajaran tinggi di dalam sektor Telekomunikasi dan Media. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan -7.24% berbanding pulangan penanda aras sebanyak -4.48%. Penurunan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana dalam sektor Perlindungan dan Tenaga dan wajaran rendah di dalam sektor Penjagaan Kesihatan dan Teknologi. Sejak penubuhannya pada Februari 2013, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak -5.01% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak -0.35%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2023

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 23 - Dis 23	Dis 22 - Dis 23	Dis 20 - Dis 23	Dis 18 - Dis 23	Feb 13 - Dis 23
A-DALI Equity	1.00%	-0.78%	-10.36%	-7.24%	-5.01%
Indeks*	0.54%	0.46%	-16.49%	-4.48%	0.35%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.46%	-1.24%	6.13%	-2.76%	-5.36%

* FBM Emas Syariah (Sumber: Bloomberg)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. A-DALI EQUITY (SAMB.)


Apakah strategi masa depan?

Bagi tahun 2024, tumpuan pasaran ekuiti terletak kepada kemungkinan peralihan Fed terhadap pemotongan kadar faedah seiring dengan tanda-tanda pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan inflasi yang lebih rendah. Di peringkat tempatan, pelaksanaan inisiatif-inisiatif ekonomi yang telah diumumkan seperti NETR, MM2H, JS-SEZ dan rasionalisasi subsidi petrol dan diesel yang dinantikan akan diutamakan. Seiring dengan persekitaran politik yang stabil, kami menjangkakan lebih banyak aktiviti pelaburan akan dijana oleh pelabur asing dan tempatan. Selaras dengan jangkaan pemotongan kadar faedah di A.S. dan aliran masuk pelaburan asing yang lebih tinggi, MYR dijangka mengukuh dan seterusnya meningkatkan sentimen para pelabur. Pada masa ini, China telah menyatakan kebimbangan terhadap kejatuhan harga hartanah dan saham. Nampaknya, langkah-langkah serius sedang diusahakan bagi menyelesaikan isu-isu berlarutan ini. Sekiranya isu-isu ini diselesaikan, keyakinan para pelabur akan terus meningkat. Namun risiko-risiko kepada pasaran boleh berpunca daripada kemelesetan ekonomi A.S., kelembapan ekonomi China, ketegangan geopolitik yang semakin teruk dan risiko dasar kerajaan.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

Pendedahan Aset A-DALI Equity pada 31 Disember 2023



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

3. A-DALI EQUITY (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019
Tunai dan Setara Tunai	5%	2%	7%	6%	6%
Dana Mutual	95%	98%	93%	94%	94%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019
Jumlah NAV (RM)	12,475,471	11,971,977	12,154,880	11,830,395	10,704,902
Bilangan Unit	26,267,477	25,011,193	24,322,836	22,328,431	20,081,482
NAV/Unit (RM)	0.475	0.479	0.500	0.530	0.533
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.486	0.506	0.541	0.543	0.546
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.451	0.443	0.478	0.421	0.507
Cukai (%)	8	8	8	8	8
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	-0.78%	-4.22%	-5.68%	-0.61%	4.12%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	-0.78%	-4.22%	-5.68%	-0.61%	4.12%
3-Tahun	-3.58%	-3.53%	-0.81%	-3.74%	-0.74%
5-Tahun	-1.49%	-4.23%	-1.72%	-1.62%	-0.62%
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	0.46%	-10.80%	-6.81%	10.14%	3.85%
3-Tahun	-5.84%	-2.90%	2.15%	-0.36%	-0.18%
5-Tahun	-0.91%	-3.84%	0.41%	0.55%	-0.91%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED

Bagi tahun kewangan 2023, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 3.83% berbanding penanda aras yang memberikan pulangan sebanyak 2.32%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran rendah Dana di dalam sektor Perindustrian dan Pengguna dan wajaran tinggi di dalam sektor Pembinaan. Prestasi baik Dana juga disebabkan oleh pegangannya di dalam sukuk jangka panjang kerajaan dan sukuk dijamin kerajaan. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan 30.02% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 3.99%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Penjagaan Kesihatan dan Teknologi dan wajaran rendah di dalam sektor Pengguna dan Perindustrian. Prestasi positif Dana di dalam sukuk berpunca daripada pulangan pendapatan keuntungan tinggi, pemampatan penyebaran kredit dan peruntukan aset wajaran tinggi terhadap sukuk korporat. Sejak penubuhannya, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 53.50% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 24.40%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2023

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 23 - Dis 23	Dis 22 - Dis 23	Dis 20 - Dis 23	Dis 18 - Dis 23	Ogos 11 - Dis 23
A-Dana Balanced	1.37%	3.83%	-0.61%	30.02%	53.50%
Indeks*	0.69%	2.32%	-10.04%	3.99%	24.40%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.67%	1.52%	9.43%	26.03%	29.10%

* 70% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia) + 30% Indeks GII ALL (Sumber: RAM QuantShop@www.quantshop.com)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Apakah strategi masa depan?

Selaras dengan kekhawatiran kekurangan pertumbuhan dan inflasi, bank-bank pusat di seluruh dunia berkemungkinan telah memuktamadkan penormalan dasar monetari bagi 2023, dan pasaran boleh menantikan pemotongan kadar pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, pemasaan pelaksanaan dasar masih tidak menentu dan bergantung tinggi kepada data, ini mungkin menyebabkan kemaruapan merentasi pasaran pendapatan tetap global. Bagi pasaran tempatan, persekitaran makro dijangka konstruktif bagi pendapatan tetap, di mana pertumbuhan dan inflasi diramalkan lebih sederhana lagi pada 2024. Dari segi permintaan, permintaan kukuh daripada pelabur tempatan akan terus meneguhkan hasil sukuk, ditambah aliran masuk berterusan daripada pelabur asing yang dijangka meningkat menjelang 2H2024. Kami menjangkakan keluk GII berpotensi meningkat secara mendadak pada tahun 2024, terutamanya apabila kitaran pelonggaran monetari global dilaksanakan.

Kami menggunakan pendirian jangka masa lebih panjang lebih di samping meneruskan dagangan mengikut momentum bagi sukuk kerajaan, dengan mencari peluang dagangan jangka pendek ke pertengahan. Peruntukan aset kami bagi pendedahan sukuk akan terus memihak kepada sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan bagi peningkatan hasil.

Bagi tahun 2024, tumpuan pasaran ekuiti terletak kepada kemungkinan peralihan Fed terhadap pemotongan kadar faedah seiring dengan tanda-tanda pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan inflasi yang lebih rendah. Di peringkat tempatan, pelaksanaan inisiatif-inisiatif ekonomi yang telah diumumkan seperti NETR, MM2H, JS-SEZ dan rasionalisasi subsidi petrol dan diesel yang dinantikan akan diutamakan. Seiring dengan persekitaran politik yang stabil, kami menjangkakan lebih banyak aktiviti pelaburan akan dijana oleh pelabur asing dan tempatan. Selaras dengan jangkaan pemotongan kadar faedah di A.S. dan aliran masuk pelaburan asing yang lebih tinggi, MYR dijangka mengukuh dan seterusnya meningkatkan sentimen para pelabur. Pada masa ini, China telah menyatakan kebimbangan terhadap kejatuhan harga hartanah dan saham. Nampaknya, langkah-langkah serius sedang diusahakan bagi menyelesaikan isu-isu berlarutan ini. Sekiranya isu-isu ini diselesaikan, keyakinan para pelabur akan terus meningkat. Namun risiko-risiko kepada pasaran boleh berpunca daripada kemelesetan ekonomi A.S., kelembapan ekonomi China, ketegangan geopolitik yang semakin teruk dan risiko dasar kerajaan.


JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan terus memberi tumpuan bagi memaksimumkan jumlah pulangan daripada pertumbuhan pendapatan dan modal dengan melabur dalam sukuk gred pelaburan dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia, sambil meminimumkan risiko pelaburan semula. Bagi bahagian ekuiti, kami akan meneruskan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang selama ini portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

Pendedahan Aset A-Dana Balanced Fund pada 31 Disember 2023



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019
Tunai dan Setara Tunai	2%	9%	11%	12%	13%
Pembinaan	3%	3%	3%	3%	5%
Produk Pengguna	6%	9%	6%	5%	5%
Tenaga	4%	2%	2%	3%	4%
Sekuriti Pendapatan Tetap	30%	25%	21%	25%	35%
Kewangan	0%	2%	2%	2%	3%
Penjagaan Kesihatan	6%	5%	8%	11%	4%
Produk Perindustrian	10%	9%	12%	6%	4%
Hartanah	4%	1%	1%	1%	1%
Perladangan	7%	8%	5%	5%	6%
Amanah Pelaburan Harta Tanah	1%	1%	1%	1%	1%
Perdagangan/Perkhidmatan	-	0%	0%	0%	-
Teknologi	9%	9%	12%	14%	5%
Telekomunikasi & Media	8%	9%	9%	7%	7%
Pengangkutan & Logistik	2%	3%	3%	2%	2%
Utiliti	9%	5%	4%	3%	5%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019
Jumlah NAV (RM)	142,055,831	115,124,418	103,488,617	84,727,622	53,515,086
Bilangan Unit	92,542,624	77,873,644	66,053,755	54,859,699	42,142,915
NAV/Unit (RM)	1.535	1.478	1.567	1.544	1.270
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.537	1.556	1.616	1.575	1.276
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.462	1.379	1.500	1.130	1.172
Cukai (%)	8	8	8	8	8
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	3.83%	-5.64%	1.44%	21.62%	7.56%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	3.83%	-5.64%	1.44%	21.62%	7.56%
3-Tahun	-0.20%	5.20%	9.89%	5.28%	1.20%
5-Tahun	5.39%	2.24%	5.04%	4.32%	1.24%
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	2.32%	-7.36%	-5.09%	9.76%	5.31%
3-Tahun	-3.47%	-1.18%	3.14%	1.94%	1.68%
5-Tahun	0.79%	-1.41%	1.84%	2.25%	0.96%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

05. A-DANA STRATEGIC EQUITY

Bagi tahun kewangan 2023, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan positif sebanyak 16.86% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 18.76%. Penurunan prestasi ini disebabkan oleh pemegangan tinggi tunai dan wajaran rendah Dana di dalam dana A-Dana Equity yang telah mengatasi penanda arasnya dan wajaran tinggi di dalam dana Indeks HSBC Islamic Global Equity yang berprestasi rendah dalam terma USD walaupun pulangan mutlak yang lebih kukuh. Sejak penubuhannya, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 10.65% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 6.55%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2023

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 22 - Dis 22	Dis 21 - Dis 22	Dis 19 - Dis 22	Dis 17 - Dis 22	Mei 21 - Dis 22
A-Dana Strategic Equity	1.64%	16.86%	-	-	10.65%
Indeks*	1.57%	18.76%	-	-	6.55%
Lebih/(Bawah) Prestasi	0.07%	-1.90%	-	-	4.10%

* 50% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia) + 50% Indeks Dow Jones Islamic Market Titans 100 (Sumber: Bloomberg)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

05. A-DANA STRATEGIC EQUITY (SAMB.)


Apakah strategi masa depan?

Bagi tahun 2024, tumpuan pasaran ekuiti terletak kepada kemungkinan peralihan Fed terhadap pemotongan kadar faedah seiring dengan tanda-tanda pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan inflasi yang lebih rendah. Di peringkat tempatan, pelaksanaan inisiatif-inisiatif ekonomi yang telah diumumkan seperti NETR, MM2H, JS-SEZ dan rasionalisasi subsidi petrol dan diesel yang dinantikan akan diutamakan. Seiring dengan persekitaran politik yang stabil, kami menjangkakan lebih banyak aktiviti pelaburan akan dijana oleh pelabur asing dan tempatan. Selaras dengan jangkaan pemotongan kadar faedah di A.S. dan aliran masuk pelaburan asing yang lebih tinggi, MYR dijangka mengukuh dan seterusnya meningkatkan sentimen para pelabur. Pada masa ini, China telah menyatakan kebimbangan terhadap kejatuhan harga hartanah dan saham. Nampaknya, langkah-langkah serius sedang diusahakan bagi menyelesaikan isu-isu berlarutan ini. Sekiranya isu-isu ini diselesaikan, keyakinan para pelabur akan terus meningkat. Namun risiko-risiko kepada pasaran boleh berpunca daripada kemelesetan ekonomi A.S., kelembapan ekonomi China, ketegangan geopolitik yang semakin teruk dan risiko dasar kerajaan.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal jangka panjang menerusi portfolio pelaburan sekuriti patuh Syariah yang pelbagai di bursa tempatan dan asing.

Pendedahan Aset A-Dana Strategic Equity pada 31 Disember 2023



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

05. A-DANA STRATEGIC EQUITY (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019
Tunai dan Setara Tunai	5%	13%	9%	-	-
Dana Mutual	95%	87%	91%	-	-
JUMLAH	100%	100%	100%	-	-

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019
Jumlah NAV (RM)	125,559,050	93,644,945	52,632,623	-	-
Bilangan Unit	113,473,963	98,902,749	48,354,608	-	-
NAV/Unit (RM)	1.107	0.947	1.088	-	-
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.116	1.084	1.088	-	-
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.940	0.922	0.997	-	-
Cukai (%)	8	8	8	-	-
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	16.86%	-13.01%	-	-	-
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	16.86%	-13.01%	-	-	-
3-Tahun	-	-	-	-	-
5-Tahun	-	-	-	-	-
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	18.76%	-15.84%	-	-	-
3-Tahun	-	-	-	-	-
5-Tahun	-	-	-	-	-

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

06. A-DANA STRATEGIC DYNAMIC

Bagi tahun kewangan 2023, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 14.06%, berbanding penanda aras sebanyak 22.84%. Prestasi rendah ini disebabkan terutamanya oleh wajaran Dana yang rendah di dalam Ekuiti Global yang meningkat dan wajaran tinggi di dalam Sukuk yang berprestasi rendah. Dana juga mempunyai pegangan tunai dan emas yang lebih tinggi berbanding dengan wajaran penanda aras yang bertindak sebagai rintangan. Sejak penubuhannya, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 13.46% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 21.42%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2023

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 23 - Dis 23	Dis 22 - Dis 23	Dis 20 - Dis 23	Dis 18 - Dis 23	Jun 22 - Dis 23
A-Dana Strategic Dynamic	0.94%	14.06%	-	-	13.46%
Indeks*	2.49%	22.84%	-	-	21.42%
Lebih/(Bawah) prestasi	-1.55%	-8.79%	-	-	-7.97%

* 65% Indeks Pulangan Dunia Pasaran Islam Dow Jones + 35% Indeks Sukuk Dow Jones (Sumber: Bloomberg)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

06. A-DANA STRATEGIC DYNAMIC (SAMB.)

Apakah strategi masa depan?


Dalam sektor Ekuiti, pengurus dana luaran mengekalkan kecenderungan mereka terhadap A.S. dan Jepun berbanding Eropah disebabkan oleh dasar bank pusat yang lebih membangun di dalam pasaran ini. Tinjauan bagi Pasaran Baru Muncul / China berada pada tahap neutral sehingga gambaran yang lebih jelas muncul berkaitan sokongan dasar kerajaan, walaupun prospek eksport kini lebih menyerlah bagi ekonomi berorientasikan pembuatan. Inflasi memuncak dan kadar faedah adalah positif bagi Jangka Masa ini, yang juga bertindak sebagai pemelbagai sekiranya senario pendaratan lembut mengecewakan. Keadaan Kredit adalah Positif terutamanya Gred Pelaburan Euro dan Asia, kerana penjualan mendadak dalam pasaran bon/sukuk telah membawakan hasil yang menarik. Ekonomi berdaya tahan dan dinamik bekalan (pemotongan pengeluaran daripada beberapa negara OPEC+) menyokong harga minyak. Ini menghalakan tumpuan kita terhadap sektor Tenaga, yang juga berfungsi sebagai lindung nilai inflasi. USD yang positif juga bertindak sebagai lindung nilai kerugian serta menawarkan pulangan yang menarik.

